

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 28 Ogos 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JULAI 2023

EKSPORT BAGI ENAM NEGERI MENCATATKAN PENINGKATAN PADA BULAN JULAI 2023

PUTRAJAYA, 28 Ogos 2023 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM216.4 bilion pada Julai 2023 dengan nilai eksport RM116.8 bilion dan import bernilai RM99.7 bilion seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JULAI 2023**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport Malaysia pada Julai 2023 bernilai RM116.8 bilion, menurun sebanyak RM17.6 billion (-13.1%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM8.2 bilion), Sarawak (-RM3.4 bilion), Selangor (-RM3.4 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM3.3 bilion), Terengganu (-RM1.1 bilion), Sabah (-RM860.5 juta), Melaka (-RM446.1 juta), Negeri Sembilan (-RM238.6 juta) dan Perak (-RM27.4 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Pulau Pinang sebanyak RM2.1 bilion, Kedah (+RM1.2 bilion), W.P. Labuan (+RM462.3 juta), Kelantan (+RM167.4 juta), Perlis (+RM6.4 juta) dan Pahang (+RM6.2 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 33.9 peratus, diikuti oleh Johor (19.6%), Selangor (17.8%), Sarawak (7.0%) dan Kedah (4.4%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Julai 2023 juga menurun RM18.8 bilion (-15.9%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (-RM5.8 bilion), Johor (-RM4.9 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM2.5 bilion), Selangor (-RM2.0 bilion), Kedah (-RM1.2 bilion), Sarawak (-RM811.8 juta), Perak (-RM644.6 juta), Pahang (-RM427.5 juta), Negeri Sembilan (-RM405.6 bilion), Terengganu (-RM68.6 juta) dan Sabah (-RM49.3 juta). Walau bagaimanapun, nilai import meningkat di Melaka sebanyak RM226.2 juta, W.P. Labuan (+RM136.7 juta), Kelantan (+RM20.2 juta) dan Perlis (+RM1.7 juta).


Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan 27.8 peratus, diikuti oleh Johor (22.9%), Pulau Pinang (19.6%), W.P. Kuala Lumpur (7.2%) dan Sarawak (5.0%).

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

**Carta 1: Data Siri Masa Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,
Julai 2022 – Julai 2023 (RM Bilion)**



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Julai 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
28 OGOS 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PRESS STATEMENT

FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE JULY 2023

EXPORTS OF SIX STATES REGISTERED AN INCREASE IN JULY 2023

PUTRAJAYA, 28 August 2023 – Malaysia's total trade for July 2023 amounted to RM216.4 billion with exports and imports recorded RM116.8 billion and RM99.7 billion, respectively as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE JULY 2023**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports was valued at RM116.8 billion in July 2023, decreased RM17.6 billion (-13.1%) as compared to the same month of the previous year. The decrease in exports was attributed to the lower exports in most states such as Johor (-RM8.2 billion), Sarawak (-RM3.4 billion), Selangor (-RM3.4 billion), W.P. Kuala Lumpur (-RM3.3 billion), Terengganu (-RM1.1 billion), Sabah (-RM860.5 million), Melaka (-RM446.1 million), Negeri Sembilan (-RM238.6 million) and Perak (-RM27.4 million). However, exports increased in Pulau Pinang by RM2.1 billion, Kedah (+RM1.2 billion), W.P. Labuan (+RM462.3 million), Kelantan (+RM167.4 million), Perlis (+RM6.4 million) and Pahang (+RM6.2 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 33.9 per cent share, followed by Johor (19.6%), Selangor (17.8%), Sarawak (7.0%) and Kedah (4.4%).

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports also decreased RM18.8 billion (-15.9%) in July 2023 as compared to the same month in 2022. The decrease in imports was contributed by the lower imports in most states such as Pulau Pinang (-RM5.8 billion), Johor (-RM4.9 billion), W.P. Kuala Lumpur (-RM2.5 billion), Selangor (-RM2.0 billion), Kedah (-RM1.2 billion), Sarawak

(-RM811.8 million), Perak (-RM644.6 million), Pahang (-RM427.5 million), Negeri Sembilan (-RM405.6 million), Terengganu (-RM68.6 million) and Sabah (-RM49.3 million). However, imports increased in Melaka by RM226.2 million, W.P. Labuan (+RM136.7 million), Kelantan (+RM20.2 million) and Perlis (+RM1.7 million).

Selangor continued to dominate Malaysia's imports with a share of 27.8 per cent, followed by Johor (22.9%), Pulau Pinang (19.6%), W.P. Kuala Lumpur (7.2%) and Sarawak (5.0%).

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

Chart 1: Time Series Data on Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor, July 2022 – July 2023 (RM Billion)




Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, July 2023



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28 AUGUST 2023